

539:  
MAHATHIR-DADAH

1976

PULAU PINANG, 2 APRIL (BERNAMA)— KUATKUASA UNDANG-UNDANG SAJA TIDAK CUKUP UNTUK MEMBASMI PENGARUH DADAH TANPA MORAL YANG TINGGI DIKALANGAN MASYARAKAT SENDIRI, KATA DR. MAHATHIR MOHAMED.

KAKUTAN DIDIKAN UGAMA, SIKAP MENGHORMATI DAN BERSOPAN-SANTUN SERTA BERPENGANG TEGUH KEPADA ADAT RESAM YANG BERMUTU MERUPAKAN BENTENG YANG DAPAT MENGHALANG PENGARUH-PENGARUH TIDAK SIHAT.

KIRANYA MASYARAKAT DAPAT MENGUKUHKAN NILAI-NILAI INI, PENYALAH-GUNAAN DADAH TIDAK AKAN MENJADI-JADI SANGAT, KATA TIMBALAN PERDANA MENTERI.

BELIAU BERUCAP MERASMIKAN SEMINAR TIGA HARI MENGENAI +PENDIDIKAN PENCEGAHAN SALAHGUNA DADAH+ DI UNIVERSITI SAINS MALAYSIA DISINI HARI INI. —BERSAMBUNG 1340/MD

542:

MAHATHIR-DADAH 2 PULAU PINANG.

PENYALAHGUNAAN DADAH YANG BERLUASA DI BARAT DISEBABKAN KERUNTUHAN NILAI DAN KEBUDAYAAN TERMASUK PEGANGAN KEPADA UGAMA.

KERANA ITU MASYARAKAT MALAYSIA HENDAKLAH MENGELAK DARIPADA PENYERAPAN NILAI-NILAI YANG TIDAK SIHAT ITU.

BELIAU MEMBERITAHU BAHAWA PENYALAHGUNAAN DADAH BUKANLAH SATU PERKARA BARU DI NEGERI INI. UMPAMANYA DIZAMAN PENJAJAHAN DULU CANDU DIJUAL UNTUK MEMBIAYAI SEBAHA-GIAN DARI URUSAN PENADBIRAN KERAJAAN.

+SOAL ROSAK MORAL DAN JIWA PENAGIH TIDAK DITITEK-BERATKAN DAN APA YANG DIUTAMAKAN IALAH PER-OLEHAN HASIL YANG TINGGI OLEH KERAJAAN+. -- BERSAMBUNG 1349/MD

544:

MAHATHIR-DADAH 3 PULAU PINANG

WALAUPI PENGARUH CANDU DIKALANGAN ORANG-ORANG TUA TELAH BERAKHIR SELEPAS PERANG DUNIA KEDUA TETAPI DALAM TAHUN TUJUH-PULUHAN PENYAKIT ITU MENYERANG SEMULA DALAM BENTUK YANG LEBIH BURUK MEMPENGARUHI SEMUA GOLONGAN TERMASUK PARA PELAJAR.

MENURUT KAJIAN YANG DIJALANKAN OLEH UNIVERSITI SAINS MALAYSIA DAN KELAB LIONS GEORGE TOWN, DARI 16,166 PELAJAR YANG DITEMU-DUGA DI SEKOLAH-SEKOLAH DI PULAU PINANG DAN SELANGOR, LEBIH SEPULUH PERATUS DIDAPATI MENYALAHGUNAKAN DADAH.

PENUNTUT-PENUNTUT DALAM LENGKONGAN UMUR 13 TAHUN DIDAPATI MEN-GAMBIL GANJA DAN LAIN-LAIN JENIS SAPERTI PIL TIDUR, UBAT PERANSANG DAN UBAT PENENTERAM.

SETELAH MENINGKAT USIA 15 TAHUN, MEREKA MENGGUNAKAN PULA LAIN-LAIN JENIS DADAH YANG LEBIH MERBAHAYA SAPERTI NARKOTIK YANG LEBIH CEPAT MENJADIKAN SESEORANG ITU PENAGIH.

-BERSAMBUNG NM 1358

3